

Program UniMAP Dekat Dihati Peringkat DUN Sena.

24 Mac 2007

Lima taman perumahan telah dipilih sebagai taman angkat PALAPES Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada gotong royong "Program UniMAP Dekat Dihati" Dewan Undangan Negeri (DUN) Sena 24 Mac 2007 lalu.

Perkara itu diumumkan Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin pada ucapan perasmian program terbabit yang pertama kali diadakan dalam usaha mendekatkan UniMAP dengan penduduk Perlis. Antara kawasan perumahan yang terlibat dengan gotong-royong itu adalah Taman Sena Indah, Taman Harmoni, Taman Permai, Taman Intan dan Taman Koperasi.

Kira-kira 1,000 penduduk dan warga UniMAP mengambil bahagian dalam gotong-royong membersihkan kawasan taman perumahan serta menyediakan

masakan untuk kenduri yang disumbangkan UniMAP.

Selain gotong-royong, satu pameran pendidikan juga diadakan di Rumah Tetamu UniMAP di Taman Harmoni.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sena yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, YB. Puan Azihani Dato' Ali.

Dalam ucapannya sebelum itu, beliau juga berharap agar penduduk tempatan menjadikan UniMAP sebagai pilihan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Katanya lagi, jurutera pada hari ini perlu melengkapkan diri dengan kemahiran yang pelbagai dalam menempuh dunia yang semakin mencabar.



Dalam majlis itu juga, Y.B Puan Azihani juga menyampaikan sumbangan berupa hamper dari pihak UniMAP kepada 20 anak yatim dan orang kurang upaya (OKU) di kawasan perumahan terbabit.

